

# Asli tak dipaksa tarik balik angka kajian

BH - 14/10/2006

## Kenyataan mohon maaf Mirzan dibuat secara sukarela: Najib

Oleh Norfatimah Ahmad dan Azli Ayob

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak semalam menafikan dakwaan bahawa kerajaan memberi tekanan kepada Institut Kajian Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) supaya menarik balik kajian berhubung pemilikan ekuiti Bumiputera dan bukan Bumiputera di negara ini.

Malah, Timbalan Perdana Menteri berkata, kenyataan memohon maaf yang dikeluarkan Presiden Asli, Mirzan Mahathir juga dibuat secara sukarela.

"Tidak... tidak ada tekanan kerajaan yang meminta Asli menarik balik angka yang diperoleh hasil kajian yang dijalankan.

"Kita hargai keprihatinan yang ditunjukkan, bagaimanapun jika ada sebarang kajian membabitkan hal negara yang sensitif seperti data ekonomi, seharusnya mendapat persetujuan kerajaan.

"Berikutan itu, buat masa ini kita mengekalkan data rasmi yang dikeluarkan Unit Perancang Ekonomi (EPU) yang lebih tepat," katanya selepas menghadiri majlis 'tiga dalam satu' Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) di sini, semalam.

Pada majlis itu, Najib menyaksikan majlis menandatangani dua perjanjian iaitu pembelian 35 tren bernilai RM1.2 bilion antara Prasarana dengan Konsortium Bombardier-Harta-suma dan kedua, antara Prasarana dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk memberi peluang kakitangan syarikat itu mengikuti pengajian peringkat Diploma Pengurusan Pengangkutan Penumpang.

Najib turut menyempurnakan majlis pelancaran logo korporat Prasarana yang pertama sejak syarikat itu ditubuhkan lapan tahun lalu.

Turut hadir, Menteri Kewangan kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Pengerusi Prasarana, Datuk Nordin Baharuddin, Pengarah Eksekutif dan

**“ Kita hargai keprihatinan yang ditunjukkan, bagaimanapun jika ada kajian membabitkan hal sensitif, seharusnya dapat persetujuan kerajaan”**

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Shaipudin Shah Harun, Presiden Bombardier Transportation North America, William Spurr, Pengarah Eksekutifnya, Dr Abdul Rahman Abdul Rahim dan Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Prof Dr Ibrahim Abu Shah.

Semalam, Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng yang mengetuai penyokong parti pembangkang itu menyerahkan memorandum kepada Mirzan mendakwa kerajaan memberi tekanan kepada Asli sehingga data yang diperoleh badan berkenaan ditarik balik.

Sebelum ini, kajian Asli mengatakan pemilikan Bumiputera dalam ekonomi negara sudah mencapai 45 peratus, lebih daripada angka yang dikeluarkan kerajaan melalui EPU

Najib berkata, Asli adalah badan pemikir bebas dan bukan badan itu yang akan menentukan berhubung sebarang isu membabitkan negara ini.

Ditanya sama ada kerajaan belum bersedia berganjak daripada dasar yang mengakui asas perkauman, beliau berkata, perkara itu bukan isu utama yang perlu diketengahkan.

"Yang penting ialah untuk kerajaan berlaku adil kepada semua anggota masyarakat.

"Jika komuniti Bumiputera didapati menghadapi kekurangan dalam sektor ekonomi, kita akan lakukan perubahan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, sepanjang proses itu ia akan dilaksanakan secara seimbang tanpa menyebelahi kaum tertentu saja.

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri